

KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
25 OKTOBER 2019

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Hj. Mohamad Nasran Bin Dato' Nasehir Khan, telah dilantik menjadi Jurutera berkuatkuasa 1 Oktober 2019. Encik Hj. Mohamad Nasran telah ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan dan beliau memegang kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Sains Malaysia. Ucapan tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

**2. OPERASI SERAHAN WARAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Dimaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan telah mula dilaksanakan pada 21 Oktober 2019 ke atas pemilik premis yang

masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas tempoh yang telah ditetapkan.

Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MBSP.

Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MBSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi atau secara **online** di laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my), laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my> serta pembayaran melalui perbankan internet di 15 bank yang telah dilantik.

Pembayaran juga boleh dibuat di agensi kutipan yang telah dilantik seperti berikut:-

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
2. Bank Rakyat
3. PBA
4. Pos Malaysia (seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)
5. Pejabat Daerah dan Tanah (Seluruh Negeri Pulau Pinang Sahaja)

6. Bayaran melalui Kiosk PayLink Global seluruh negara.

Sila hubungi di talian 04-5497790 / 470 / 471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

### **3. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 27**

#### **OKTOBER 2019**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 27 Oktober 2019 (Ahad). Oleh itu, kesokan harinya merupakan hari kelepasan am.

### **4. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL**

Dimaklumkan bahawa Sambutan Maulidur Rasul jatuh pada 9 November 2019 (Sabtu) dan ianya merupakan Hari Cuti Umum. Maulidur Rasul iaitu hari bersejarah Keputeraan Nabi Muhammad yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal. Pada setiap tahun, Umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan beberapa acara seperti perarakan, ceramah dan sebagainya. Dengan ini saya

mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan selamat bercuti.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**